

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT  
[ JERAI ]**

**TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)**

**SOALAN : 72**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah projek utama di Pulau Bunting dalam daerah Yan setelah jalan persekutuan telah pun siap dibina ke pulau tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini tiada sebarang projek pembangunan di bawah Kementerian ini sedang dilaksanakan di Pulau Bunting, Yan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang keperluan bagi projek pembangunan luar bandar di kawasan tersebut, cadangan projek boleh dikemukakan kepada pihak Kementerian melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk pertimbangan selanjutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kelulusan pelaksanaan projek adalah bergantung kepada kedudukan semasa peruntukan Kerajaan dan Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri.